

## Menyantuni Haiwan Merupakan Akhlak Terpuji

Oleh: Siti Nur Hafizah Binti Ab Aziz

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 27 Julai 2021*

Saban hari, kita mendengar, melihat dan membaca pelbagai kes kezaliman dan kekejaman terhadap haiwan di negara ini yang dilakukan secara melampau dan tidak berperikemanusiaan.

Menurut Ketua Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, sebanyak 278 kes kekejaman terhadap haiwan direkodkan sejak 2018 hingga 2020. Anjing dan kucing merupakan mangsa kekejaman yang paling tinggi.

Islam mendidik umatnya agar sentiasa mengamalkan sifat mengasihi dan menyayangi bukan sahaja sesama manusia malah juga terhadap makhluk Allah SWT yang lain di atas muka bumi ini. Tambahan pula, sifat ini merupakan antara ciri peribadi Muslim sejati.

Sebagaimana yang kita ketahui, Allah SWT menciptakan makhluk selain manusia di atas muka bumi ini bukan sekadar perkara sia-sia. Sebaliknya, untuk manfaat kepada kehidupan manusia.

Begitu juga dengan penciptaan haiwan, kewujudan mereka dalam kehidupan manusia adalah untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem. Tanpa mereka, kehidupan manusia akan terancam.



Gambar hiasan

Haiwan terbahagi kepada dua kategori iaitu jinak dan liar. Haiwan jinak termasuk haiwan peliharaan dan ternakan seperti kucing, anjing dan lembu.

Haiwan liar pula seperti harimau, beruang dan gajah. Walaupun berlainan kategori, tetapi kedua-duanya masih perlu disantuni.

Memiliki haiwan peliharaan merupakan satu kelaziman yang diamalkan dalam masyarakat kita. Memelihara haiwan merupakan budaya umat Islam, malah sejak zaman Rasulullah SAW lagi.

Sebagai contoh, seorang perawi hadis terkenal mendapat gelaran Abu Hurairah disebabkan sifat cintanya terhadap kucing.

Selain itu, Rasulullah SAW juga merupakan antara teladan yang terbaik dalam menunjukkan cara menyantuni haiwan.

Pada suatu hari, ketika ingin mengambil jubahnya, baginda mendapati bahawa kucingnya yang bernama Muezza sedang tidur dengan nyenyak di atas jubahnya.

Disebabkan baginda tidak mahu mengganggu tidur haiwan berkenaan, baginda memotong bahagian jubahnya yang menempatkan kucing tersebut.

Berdasarkan kisah Rasulullah SAW dan sahabatnya yang begitu kasih terhadap haiwan, maka kita juga perlulah bersikap sedemikian.

Majoriti daripada kita sukakan haiwan peliharaan yang jinak seperti kucing. Walaupun begitu, ada juga segelintir manusia yang tergamak melakukan kekejaman terhadap haiwan.



Gambar hiasan

Pernah tular dalam media sosial berkenaan kes kucing bunting yang dimasukkan ke dalam mesin pengering di sebuah kedai dobi. Selain itu, ada juga individu yang tergamak menyembur cat pada badan anjing sehingga ia menyerupai seekor harimau.

Jika difikirkan kembali, sekiranya seseorang itu mempunyai akal fikiran yang waras, sudah pasti dia tidak terjebak dengan perbuatan tidak berperikemanusiaan sebegini.

Islam sangat menitikberatkan umatnya untuk berlaku ihsan terhadap haiwan. Buktinya, kita diajar untuk menyembelih haiwan dengan menggunakan pisau yang tajam supaya tidak berlaku penyiksaan terhadap haiwan itu.

Rasulullah SAW menegaskan kepada kita tentang bencana azab Allah SWT bagi mereka yang berlaku zalim dan kejam terhadap haiwan.

Dalam sebuah hadis, dikisahkan tentang seorang wanita yang tidak pernah memberi makan serta tidak melepaskan kucingnya untuk mencari makan sendiri, maka baginda pun menjelaskan bahawa hukuman bagi wanita tersebut adalah seksaan neraka.

Dapat kita simpulkan daripada kisah di atas bahawa perbuatan menzalimi haiwan sangat ditegah dalam Islam. Semua haiwan perlu disantuni melainkan yang membahayakan nyawa. Walaupun begitu, kita disarankan untuk membunuh haiwan tersebut tanpa menyeksanya.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda: “Kasihilah kamu akan makhluk-makhluk di dunia nescaya makhluk-makhluk di langit akan mengasihi kamu.” (Hadis riwayat Ahmad)

Berdasarkan hadis di atas, jelaslah bahawa kita perlulah berusaha mengasihi makhluk di bumi termasuklah haiwan terlebih dahulu untuk mendapatkan kasih sayang daripada para malaikat. Sekiranya kita berbuat sedemikian, Allah SWT pasti turut mengasihi kita.

Oleh itu, sebagai manusia yang diciptakan dengan sebaik-baik kejadian bersama kurniaan akal, kita hendaklah sentiasa berfikir secara waras dan melakukan perkara secara berperikemanusiaan ketika berhubung dengan makhluk lain termasuk haiwan.